

Bung Mokhtar, Said tak niat singgung

BH-17/5/2009

Oleh Azman Zakaria, Amirullah Andi Nur, Jalal Ali Abdul Rahim dan Haneeyzah Bariah Baharin


KUALA LUMUR: Datuk Seri Najib Razak berkata, Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Bung Mokhtar Radin dan Ahli Parlimen Jasin, Datuk Mohd Said Yusuf tidak berniat menyinggung perasaan wanita ketika mengeluarkan kata-kata mengaitkan isu kebocoran siling bangunan Parlimen terhadap Ahli Parlimen DAP dari Batu Gajah, Fong Po Kuan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, apa yang diperkatakan Bung Mokhtar dan Mohd Said itu adalah ketika menyampuk sesi perbahasan kerana marah dengan ucapan Fong.

"Kabinet bincang soal kenyataan yang dibuat dua Ahli Parlimen itu...sebenarnya mereka tidak bertujuan menghiris atau menyinggung perasaan wanita.

"Itu adalah kenyataan yang disampuk mereka pada perbahasan kerana marah kepada ucapan wakil Batu Gajah," katanya pada sidang media selepas majlis pemakaian pangkat Brigedier Jeneral (Kerhormat) kepada Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Ahmad Latffi Hashim, di kementerian itu, di sini semalam.

Pada persidangan Dewan Rakyat 9 Mei, Bung Mokhtar dan Mohd Said dilapor mengeluarkan kata-kata pre-judis dengan mengaitkan isu kebo-



DAPAT PENGIKTIRAFAN: Najib memakaikan pangkat Brigedier Jeneral (Kerhormat) kepada Ahmad Latffi di Kementerian Pertahanan, Kuala Lumpur, semalam.

coran siling bangunan Parlimen terhadap Fong.

Bung Mokhtar dilaporkan sebagai berkata: "Mana ada bocor... Batu Gajah pun tiap-tiap bulan bocor juga," ketika Fong membantah keputusan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat, Datuk Lim Si Cheng untuk tidak membincangkan isu kebocoran di beberapa bahagian dalam bangunan Parlimen.

Kenyataan Bung Mokhtar itu difahami sebagai merujuk kepada kitaran haid wanita.

Najib berkata, beliau sudah meminta Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Nazri Aziz berhubung dengan Bung Mokhtar dan Mohd Said supaya kedua-dua mereka segera berjumpa Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil.

Ketika ditanya sama ada kedua-dua Ahli Parlimen itu perlu meminta maaf, Najib berkata: "Mereka perlu memberi penjelasan dulu. Nantilah kita tunggu dulu pertemuan itu... sebab mereka tidak ada tujuan menyinggung perasaan kaum wanita. Tetapi ia sudah menjadi isu besar dan ramai wanita tak puas hati dan mereka kena beri penjelasan."